



31 Disember 2020
31 December 2020
P.U. (A) 405

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) 2020

EXCISE (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan peraturan 60A

2. Peraturan-Peraturan Eksais 1977 [*P.U. (A) 161/1977*], dipinda dalam peraturan 60A—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula, subperaturan yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), jika tuntutan pulangan cukai di bawah seksyen 19A Akta adalah berhubung dengan pengeksporan atau pengeksporan semula berkenaan dengan barang-barang yang berikut, barang-barang itu hendaklah dieksport atau dieksport semula melalui laut atau udara dari zon bebas:

(a) rokok

(b) produk tembakau;

(c) paip tembakau (termasuk kepala paip);

- (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa; atau
- (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotin.”.

Dibuat 31 Disember 2020

[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD.6; PN(PU2)337/XXV]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

EXCISE ACT 1976

EXCISE (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 85 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Excise (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2020.

Amendment of regulation 60A

2. The Excise Regulations 1977 [*P.U. (A) 161/1977*], are amended in regulation 60A—

(a) by renumbering the existing provision as subregulation (1); and

(b) by inserting after subregulation (1) as renumbered, the following subregulation:

“(2) Subject to subregulation (1), if a claim for drawback under section 19A of the Act is in relation to exportation or re-exportation in respect of the following goods, the goods shall be exported or re-exported by sea or air from free zones:

(a) cigarettes;

(b) tobacco products;

(c) smoking pipes (including pipe bowls);

- (d) electronic cigarettes and similar personal electric vaporising devices; or
- (e) preparation of a kind used for smoking through electronic cigarettes and electric vaporising device, in form of liquid or gel, not containing nicotine.”.

Made 31 December 2020
[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD.6; PN(PU2)337/XXV]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance